

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI**

**KAWASAN : DUNGUN**

**TARIKH : 16 MAC 2016, RABU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah kerja-kerja pembaikpulihan jalan-jalan mendap dan runtuh di laluan 128 Jalan Pasir Raja akibat banjir 2014 akan dilakukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan kementerian ini mendapati Jalan Pasir Raja (T128) berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan, iaitu tiada sebarang halangan atau kerosakan jalan. Namun begitu di Jalan FT2685 - iaitu jalan yang berhubung dengan Jalan Pasir Raja (T128) – terdapat satu lokasi laluan yang terlibat dengan kejadian cerun runtuh dan memerlukan kerja-kerja pembaikan. Sehubungan itu kerja-kerja pembaikan yang terlibat itu kini sedang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) – iaitu bermula pada bulan September 2015 dan ia dijangka siap pada bulan April 2016. Anggaran kos projek pembaikan cerun berkenaan ialah sebanyak RM2.7 juta.

Sekian. Terima kasih.